Pembangunan Sektor Kewangan

51 Mengekalkan Kekukuhan dan Keyakinan dalam Sektor Kewangan
52 Memastikan Akses Berterusan kepada Pembiayaan
53 Memperkukuh Keupayaan Institusi Kewangan
54 Menambah Baik Kecekapan dan Keberkesanan Operasi
54 Menambah Baik Infrastruktur bagi Pembangunan Pasaran Kewangan
55 Melestarikan Pembangunan Modal Insan
55 Kewangan Islam – Meneruskan Inisiatif MIFC
56 Meningkatkan Pemantauan Terhadap Pengendalian Pasaran dan Mengukuhkan Keupayaan Kewangan Pengguna
57 Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pembanterasan Pembiayaan Keganasan
58 Prospek
59 *Rencana: Rangka Kerja Pengawalseliaan bagi Institusi Kewangan Asing dan Bank Pelaburan di Malaysia*

Pembangunan Sektor Kewangan

Berlatarkan persekitaran ekonomi yang semakin mencabar, fokus utama dasar sektor kewangan pada tahun 2008 adalah untuk memastikan sektor kewangan kekal berdaya tahan dan berupaya untuk meneruskan fungsi pengantaraan kewangannya dengan berkesan bagi menyokong aktiviti ekonomi negara. Bersama-sama dengan peningkatan dalam pemantauan dan pengawasan penyeliaan terhadap institusi kewangan, langkah dasar awalan diperkenalkan bagi menangani gangguan yang mungkin berlaku bagi melindungi daya tahan dan kekukuhan sektor kewangan. Sejajar dengan ini, Bank meneruskan usaha untuk memperkukuh keupayaan institusi dalam industri, memodenkan infrastruktur kewangan, mempelbagaikan sistem kewangan dan merealisasikan potensi penuh sumbangan sektor kewangan Malaysia kepada pertumbuhan ekonomi. Bagi memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai hab kewangan Islam antarabangsa yang terkemuka, Bank memperkenalkan beberapa langkah untuk mempercepatkan pembangunan kewangan Islam baik di peringkat domestik mahupun global.

MENGEKALKAN KEKUKUHAN DAN KEYAKINAN DALAM SEKTOR KEWANGAN

Susulan beberapa tahun pembaharuan dan usaha bina upaya yang merangkumi langkah menambah baik rangka kerja penyeliaan, sistem kewangan Malaysia kini berada pada asas yang lebih kukuh untuk menceburi bidang perniagaan baru, mengambil risiko yang lebih kompleks dan berupaya menahan kejutan. Dengan kesan meluas krisis kewangan global yang mengakibatkan kesan buruk terhadap ekonomi serantau, penekanan yang lebih kuat diberikan kepada usaha secara bersama dan bersepadu di rantau ini dalam memberikan respons yang sewajarnya kepada impak krisis tersebut. Ini termasuklah mekanisme yang lebih baik bagi kerjasama merentas sempadan antara bank-bank pusat dengan pihak berkuasa kawal selia yang lain, yang bertujuan untuk memudahkan tindakan yang kohesif lagi bermakna dalam memelihara kestabilan serantau. Bagi mencapai tujuan ini, Jawatankuasa Kestabilan Monetari dan Kewangan (Monetary and Financial Stability Committee, MFSC) Mesyuarat Eksekutif Bank Pusat Asia Timur-Pasifik (Executives' Meeting of East Asia-Pacific, EMEAP), iaitu sebuah jawatankuasa khusus yang terdiri daripada 11 Timbalan-Timbalan Gabenor bank-bank pusat dari rantau Asia Timur-Pasifik, telah menyediakan rangka kerja pemantauan dan pengurusan krisis serantau yang bersepadu untuk membantu negara-negara EMEAP dalam menangani kebimbangan yang tercetus daripada krisis yang menjejaskan negara-negara rantau ini. Rangka kerja bagi kerjasama ini mewujudkan platform utama bagi rantau ini untuk berkongsi maklumat dan menilai impak krisis kewangan global yang berubah-ubah terhadap ekonomi serantau dan implikasinya terhadap bank-bank pusat di rantau ini. Pada 30 Oktober 2008, MFSC mengeluarkan kenyataan bersama untuk menegaskan iltizamnya untuk memelihara kestabilan monetari dan kewangan serantau.

Susulan beberapa tahun pembaharuan dan usaha bina upaya yang merangkumi langkah menambah baik rangka kerja penyeliaan, sistem kewangan Malaysia kekal berdaya tahan dan meneruskan fungsi pengantaraan kewangannya dengan berkesan

Dalam menyerlahkan lagi penyelarasan serantau dalam usaha awalan untuk mengurangkan kesan krisis tersebut, dan ekoran pengumuman yang dibuat oleh sebilangan negara serantau, Bank Negara Malaysia bersama Kementerian Kewangan mengumumkan pada 16 Oktober 2008 bahawa semua deposit akan diberikan jaminan penuh oleh Kerajaan melalui Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga Disember 2010. Jaminan Kerajaan ini meliputi ringgit dan semua deposit mata wang asing dengan bank perdagangan, bank Islam, bank pelaburan dan institusi kewangan pembangunan (IKP) yang boleh menerima deposit, yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Walaupun kemungkinan besar bahawa jaminan ini tidak akan dituntut memandangkan sektor perbankan

pada dasarnya kekal kukuh, namun langkah pencegahan ini adalah untuk memelihara keyakinan dalam sistem kewangan ketika persekitaran global dan serantau berada dalam keadaan yang semakin tidak menentu.

Bank juga memperluas liputan jaring keselamatan kewangan kepada syarikat insurans dan pengendali takaful, lantas membolehkan industri ini mengakses bantuan mudah tunai Bank. Sungguhpun syarikat insurans di kebanyakan negara lain tidak mempunyai akses kepada bantuan sedemikian daripada bank pusat mereka, namun langkah awalan ini diambil untuk memelihara keyakinan dalam sektor insurans. Ketika perkembangan dalam pasaran global terus berlaku, Bank terus berjaga-jaga dan bersedia untuk melanjutkan jaminannya bagi merangkumi obligasi antara bank bagi institusi perbankan. Langkah-langkah yang diambil ini melengkapi pengawasan yang telah dipertingkatkan terhadap sektor kewangan ke arah memelihara keyakinan dan mengekalkan kestabilan keseluruhan sektor kewangan.

MEMASTIKAN AKSES BERTERUSAN KEPADA PEMBIAYAAN

Dengan prestasi eksport, aktiviti pengeluaran dan pelaburan menjadi semakin sederhana, terutamanya pada separuh tahun kedua 2008, cabaran yang timbul adalah untuk memastikan perniagaan berdaya maju yang terjejas akibat kelembapan ekonomi terus mendapat akses pembiayaan yang mencukupi. Perhatian khusus diberikan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang lazimnya kurang memiliki sumber kewangan dan fleksibiliti untuk melakukan penyesuaian dan bertindak balas kepada perkembangan pasaran. Bagi mencapai tujuan ini, usaha telah digiatkan untuk mengukuhkan keupayaan penyedia perkhidmatan kewangan, seperti Credit Guarantee Corporation, SME Bank dan Agrobank untuk menyokong keperluan PKS dengan lebih baik. Pembangunan dalam bidang ini digambarkan secara terperinci dalam rencana ``Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana´´ yang terkandung dalam Laporan Tahunan Bank 2008.

Dalam usaha menangani impak kenaikan harga komoditi pada separuh tahun pertama 2008 yang diikuti oleh kelembapan aktiviti ekonomi pada separuh tahun kedua 2008, beberapa langkah diambil untuk membantu PKS meningkatkan kecekapan dan produktiviti serta membantu mereka menangani masalah aliran tunai mereka. Bagi mencapai tujuan ini, dua skim pembiayaan baharu diwujudkan pada tahun tersebut, iaitu Kemudahan-kemudahan Bantuan PKS dan Pemodenan PKS, dengan jumlah kemudahan sebanyak RM1.2 bilion. Pada akhir tahun 2008, kemudahan ini telah memberikan manfaat kepada 4,923 peminjam dengan jumlah kemudahan kredit baharu yang diluluskan mencecah RM1.1 bilion. Memandangkan respons yang baik terhadap kemudahan ini, Bank menubuhkan Skim Bantuan Jaminan PKS berjumlah RM2 bilion untuk menggantikan kedua-dua kemudahan ini, sekaligus memastikan PKS yang berdaya maju, tetapi terjejas teruk akibat kelembapan ekonomi semasa, akan terus mendapat akses pembiayaan yang mencukupi.

Bank telah mewujudkan tiga skim pembiayaan baharu, iaitu Kemudahan-kemudahan Bantuan PKS dan Pemodenan PKS serta Skim Bantuan Jaminan PKS, untuk memastikan PKS yang berdaya maju, tetapi terjejas teruk akibat kelembapan ekonomi semasa, terus mendapat akses pembiayaan yang mencukupi

Keadaan ekonomi global yang kian buruk dan impaknya terhadap ekonomi dalam negeri telah menyebabkan Kerajaan menambahkan sokongannya kepada PKS serta syarikat-syarikat yang lebih besar. Dua skim jaminan yang baharu telah diperkenalkan oleh Kerajaan, iaitu Skim Jaminan Modal Kerja dan Skim Jaminan Pinjaman Penstrukturan Semula Industri. Skim Jaminan Modal Kerja yang berjumlah RM5 bilion akan membantu membiayai keperluan modal kerja syarikat yang mempunyai ekuiti pemegang saham di bawah RM20 juta, melalui jaminan Kerajaan sebanyak 80%, manakala baki 20% ditanggung oleh institusi kewangan. Skim Jaminan Pinjaman Penstrukturan Semula Industri yang berjumlah

RM5 bilion, bertujuan untuk menyokong aktiviti pelaburan jangka panjang oleh perusahaan bersaiz besar dan sederhana yang akan merangsang peningkatan produktiviti dan aktiviti nilai tambah serta penggunaan teknologi mesra alam yang lebih luas. Jaminan Kerajaan sebanyak 80% atau 50% yang bergantung pada saiz syarikat, akan membantu ke arah peningkatan pembiayaan yang disediakan untuk menyokong bentuk pelaburan jangka panjang ini.

Menyedari akan pentingnya penyediaan saluran untuk peminjam yang berhadapan dengan masalah pembiayaan untuk mendapatkan bantuan, terutamanya dalam persekitaran semasa, Pusat Hubungan Bersepadu Bank ditubuhkan pada bulan Julai 2008, yang merangkumi BNMLINK, BNMTELELINK dan Unit Pengurusan Aduan dan Nasihat. Pusat ini melengkapi pelbagai usaha proaktif institusi kewangan individu untuk membantu peminjam dengan bertindak sebagai platform yang dapat diakses dengan mudah oleh orang ramai untuk mengemukakan masalah pembiayaan mereka. Dari bulan Oktober 2008 hingga bulan Januari 2009, Pusat ini menerima 437 pertanyaan berkaitan dengan isu akses kepada pembiayaan, daripada orang perseorangan dan PKS dengan 65% daripadanya berjaya diselesaikan.

Pusat Hubungan Bersepadu Bank, dilengkapi dengan *ABMConnect* industri, ditubuhkan bagi menyediakan pelbagai saluran untuk peminjam yang berhadapan dengan masalah pembiayaan untuk mendapatkan bantuan

Dalam usaha meningkatkan interaksi antara institusi perbankan dengan peminjam, Bank membantu penganjuran dialog yang kerap dengan persatuan industri dan institusi perbankan untuk meningkatkan kefahaman mengenai isu yang dihadapi oleh sektor perniagaan. Industri perbankan turut mengambil usaha yang proaktif bersama-sama Persatuan Bank-Bank di Malaysia untuk meningkatkan perhubungan dengan peminjam melalui talian bebas tolnya, *ABMConnect*, yang berfungsi sebagai platform untuk pertanyaan umum yang berkaitan dengan perkhidmatan perbankan dan isu-isu kredit. Sejak dilancarkan pada Disember 2008, *ABMConnect* telah menerima 639 panggilan, dengan 96% daripada aduan dan pertanyaan yang diterima telah diselesaikan. Institusi perbankan juga menganjurkan jerayawara (roadshow) dan klinik pertemuan di seluruh negara sebagai langkah untuk meningkatkan interaksi dan merapatkan jurang maklumat dengan peminjam mereka.

MEMPERKUKUH KEUPAYAAN INSTITUSI KEWANGAN

Kemajuan ketara yang dicapai dalam transformasi institusi kewangan dalam negeri menghasilkan peserta kewangan dalam negeri yang lebih mantap lagi cekap dengan kebolehan yang tinggi untuk bersaing dan mengekalkan bahagian pasaran ketika menghadapi persekitaran perniagaan yang lebih mencabar. Sebilangan konglomerat kewangan Malaysia juga telah muncul sebagai peserta kewangan terkemuka di rantau ini, dengan menawarkan pelbagai bentuk perkhidmatan kewangan.

Penggabungan dan rasionalisasi dalam industri insurans am terus digalakkan untuk membangunkan syarikat insurans am yang mempunyai keupayaan dan skala perniagaan yang mencukupi

Persekitaran ekonomi dan keadaan pasaran modal global semasa juga menimbulkan banyak cabaran kepada keseluruhan sektor kewangan dan institusi kewangan. Di samping usaha yang giat diambil untuk mengukuhkan lagi seluruh sektor kewangan, perhatian turut ditumpukan pada usaha menangani implikasi yang bakal timbul daripada persekitaran operasi yang mencabar terhadap daya tahan sektor tertentu, terutamanya industri insurans am yang mempunyai kehadiran peserta kecil yang ketara banyaknya. Pada masa ini, industri insurans am terdiri daripada 40 peserta dengan 20 daripadanya peserta yang lebih kecil yang hanya menguasai bahagian pasaran sebanyak 23.7% daripada premium kasar. Dalam

mengukuhkan daya tahan industri insurans am serta peranannya dalam memudahkan aktiviti perniagaan dan penawaran produk perlindungan risiko, usaha ditumpukan ke arah mengukuhkan keupayaan dan kebolehan syarikat insurans am. Bank terus menggalakkan penggabungan dan rasionalisasi dalam industri ini, dengan matlamat untuk membangunkan syarikat insurans am yang mempunyai keupayaan dan skala perniagaan yang mencukupi bagi memberikan sumbangan yang bermakna kepada ekonomi sambil mengekalkan daya tahan dalam keadaan pasaran yang mencabar.

MENAMBAH BAIK KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN OPERASI

Dari segi fleksibiliti operasi, usaha sedang dijalankan untuk memberikan fleksibiliti yang lebih besar kepada syarikat insurans am untuk menguruskan perbelanjaan mereka, terutamanya dalam persekitaran perniagaan yang lebih mencabar. Garis Panduan Kawalan Kos Operasi Perniagaan Insurans Am (Guidelines to Control the Operating Costs of General Insurance Business atau Garis Panduan OCC) yang pada asalnya dikeluarkan pada tahun 1990, sebagai komponen utama rangka kerja pengawalseliaan industri, akan diliberalisasikan. Tujuan asal Garis Panduan OCC adalah untuk mengawal struktur kos industri insurans am yang meningkat dan memastikan pemegang polisi mendapat perlindungan insurans pada harga yang berpatutan. Evolusi industri ini sejak beberapa tahun, ditambah pula dengan rangka kerja pengawalseliaan kehematan yang diperkukuh dengan ketara serta pengawasan terhadap syarikat insurans, telah meningkatkan keperluan untuk meliberalisasikan peraturan preskriptif ini secara beransur-ansur bagi memberi syarikat insurans lebih kelonggaran untuk mengurus perbelanjaan operasi mereka. Pendekatan ini akan membolehkan syarikat insurans menguruskan perbelanjaan mereka mengikut strategi perniagaan mereka, termasuk pengurusan saluran pengedaran.

Sebagai wadah untuk meningkatkan sumber hasil syarikat insurans melalui saluran penyampaian yang lebih pelbagai dan untuk menggalakkan penembusan insurans yang lebih besar, fleksibiliti terus diberikan bagi menggalakkan penggunaan bankasurans sebagai satu daripada saluran pengedaran utama bagi syarikat insurans. Syarikat insurans am kini diberikan kebebasan untuk mengambil peluang daripada rangkaian cawangan bank yang luas dengan membuat pengaturan bankasurans dengan institusi perbankan. Fleksibiliti bankasurans yang lebih luas juga diberikan kepada syarikat insurans hayat, termasuk peluang lebih besar untuk mengakses pangkalan data pelanggan institusi perbankan melalui pengaturan mel terus serta keupayaan untuk membayar bonus pengeluaran dan bonus pengekalan polisi (persistency bonus) kepada rakan perbankan mereka. Langkah ini bertujuan untuk menambah baik mutu perkhidmatan pelanggan dan mendorong jualan bankasurans yang lebih tinggi, sebagai cara untuk meningkatkan penembusan insurans di negara ini.

MENAMBAH BAIK INFRASTRUKTUR BAGI PEMBANGUNAN PASARAN KEWANGAN

Krisis kewangan global telah memperlihatkan kepantasan dan magnitud pasaran kewangan dalam menyalurkan kejutan, seterusnya mengukuhkan kepentingan untuk mewujudkan infrastruktur berkesan yang akan membolehkan penilaian pandang ke hadapan dibuat terhadap aktiviti pengambilan risiko dalam pasaran kewangan dan implikasinya terhadap kestabilan kewangan. Bagi menyokong keperluan ini, usaha yang giat telah diambil untuk membangunkan pangkalan data yang komprehensif, yang mampu mengumpul data dan maklumat berkaitan dengan pasaran sekuriti hutang daripada pelbagai sumber. Sistem Maklumat dan Pemantauan Sekuriti Hutang (Information and Surveillance System for Debt Securities, INSIDES), yang telah dilaksanakan sepenuhnya bertindak sebagai pangkalan data sehenti yang membolehkan analisis yang berkesan dilakukan terhadap trend dan penilaian impak terhadap pasaran kewangan. Ini dilengkapi oleh usaha berterusan untuk meningkatkan infrastruktur sokongan bagi memenuhi terbitan mata wang asing dan penyenaraian rak (shelf listing) sekuriti hutang.

Bagi memastikan pertumbuhan dan kedinamikan pasaran kewangan berterusan dalam persekitaran ketidakpastian pasaran dan sejajar dengan saranan Pelan Induk Sektor Kewangan (Financial Sector Masterplan, FSMP), Kerajaan akan menubuhkan Institusi Jaminan Kewangan (Financial Guarantee Institution, FGI) untuk memberikan peluang yang lebih luas kepada syarikat untuk mendapatkan penambahbaikan kredit bagi mengakses pasaran bon. FGI akan membolehkan syarikat-syarikat

ini mempunyai akses yang berterusan kepada pasaran kewangan untuk memperoleh dana, lantas mengurangkan kos pembiayaan, menangani ketakpadanan tempoh matang yang mungkin berlaku dan mempelbagaikan sumber pembiayaan dalam sistem kewangan. Bank sedang menyusun rangka kerja pengawalseliaan kehematan sokongan yang mentadbir operasi FGI, yang akan merangkumi keperluan yang berkaitan dengan modal, standard penyimpanan dan penaja jaminan.

MELESTARIKAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Meskipun berhadapan dengan persekitaran ekonomi yang lebih mencabar, Bank terus memberikan tumpuannya kepada pembangunan modal insan bagi menyokong prospek pertumbuhan jangka panjang sektor kewangan. Menyedari pentingnya mempunyai pendekatan terlaras dan secara bersama terhadap pembangunan modal insan dalam industri perkhidmatan kewangan, Bank bersama-sama Suruhanjaya Sekuriti telah mewujudkan Pusat Pendidikan Perkhidmatan Kewangan (Financial Services Education Centre, FSEC) untuk memberikan penyelesaian kepada keperluan penyediaan latihan bermutu tinggi merentas pelbagai segmen industri perkhidmatan kewangan. FSEC menyediakan platform bagi inisiatif terlaras di kalangan cawangan latihan yang pelbagai melalui kerjasama dengan Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (Islamic Banking and Finance Institute Malaysia, IBFIM), Institut Bank-Bank Malaysia (IBBM), Institut Insurans Malaysia (Malaysian Insurance Institute, MII) dan Perbadanan Pembangunan Industri Sekuriti (Securities Industry Development Corporation, SIDC). Dengan memanfaatkan kesalinglengkapan dan kekuatan pelbagai institut latihan ini, FSEC berhasrat meningkatkan standard dan penyampaian latihan bagi melengkapi tenaga kerja industri kewangan dengan kemahiran dan kebolehan yang perlu.

Program Meningkatkan Tenaga Mahir dalam Sektor Kewangan (Financial Sector Talent Enrichment Programme, FSTEP), satu lagi inisiatif dorongan industri yang disokong oleh Bank, melibatkan pembangunan dan latihan siswazah mengenai asas industri perkhidmatan kewangan, melalui gabungan latihan dalam bilik darjah dengan latihan amali. Sejak penubuhannya pada tahun 2007, kurikulumnya telah dipertingkatkan supaya lebih tersusun, dengan kajian semula yang berterusan terhadap sukatan pelajaran latihan melalui input yang diterima daripada peserta industri, dan merangkumi fokus khusus pada penambahbaikan kemahiran peserta berbahasa Inggeris. Sejak pembentukan program tersebut, sebanyak 289 peserta telah tamat menjalani program itu, manakala 318 peserta lagi sedang mengikuti latihan teknikal.

KEWANGAN ISLAM – MENERUSKAN INISIATIF MIFC

Inisiatif Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (Malaysia International Islamic Financial Centre, MIFC) merangkumi pengalaman dan kepakaran berpanjangan negara dalam kewangan Islam ke arah memupuk prospek pertumbuhan globalnya. Aset perbankan Islam dan takaful (termasuk aset yang dipegang IKP) kini mencakupi 15.2% daripada jumlah aset perbankan dan insurans (termasuk aset yang dipegang IKP) dalam sistem kewangan Malaysia. Pada tahun 2008, tiga bank asing yang diperbadankan di Malaysia menubuhkan subsidiari Islam yang lengkap, manakala tiga subsidiari Islam institusi perbankan dalam negeri memulakan operasinya. Pada akhir tahun 2008, terdapat 17 institusi perbankan Islam dan 16 operasi perbankan Islam yang dijalankan melalui jendela oleh bank perdagangan, bank pelaburan dan IKP. Usaha sama antara institusi kewangan yang berpusat di Dubai dengan syarikat dari Malaysia dan Singapura menyaksikan penubuhan sebuah syarikat takaful semula yang terbesar di dunia di Malaysia, lantas mengukir mercu tanda penting bagi pembangunan industri takaful semula.

Dimensi antarabangsa yang ada pada kewangan Islam di Malaysia dikukuhkan lagi oleh pertambahan penyertaan peserta dalam negeri dan juga asing dalam perniagaan mata wang antarabangsa di bawah MIFC. Satu lesen Bank Islam Antarabangsa (International Islamic Bank, IIB) dan satu lesen Pengendali Takaful Antarabangsa (International Takaful Operator, ITO) diberikan kepada institusi kewangan asing pada tahun 2008, manakala lima institusi kewangan dalam negeri dan asing diberikan kelulusan untuk menubuhkan Unit Perniagaan Mata Wang Antarabangsa (International Currency Business Unit, ICBU). Dari segi pengawalseliaan, Garis Panduan yang komprehensif mengenai IIB, ITO dan

ICBU dikeluarkan pada tahun 2008, untuk memberikan kejelasan yang lebih nyata mengenai skop perniagaan, insentif cukai dan rangka kerja pengawalseliaan institusi-institusi ini.

Apabila kewangan Islam menjadi lebih bersepadu dengan sistem kewangan antarabangsa dan apabila inovasi kewangan Islam maju ke tahap seterusnya, pematuhan kepada prinsip Syariah menjadi semakin penting untuk memelihara daya tahan urus niaga kewangan Islam. Dengan itu, inisiatif yang dilaksanakan oleh Bank bertujuan untuk merangsang kefahaman yang jelas lagi tepat serta pentafsiran yang konsisten mengenai prinsip Syariah dalam kewangan Islam di peringkat dalam negeri dan antarabangsa. Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa dalam Kewangan Islam (International Shariah Research Academy for Islamic Finance, ISRA) ditubuhkan pada Mac 2008 untuk meningkatkan interaksi dan pertukaran pandangan sesama peserta industri dan cendekiawan bagi menggalakkan penyelidikan gunaan dalam bidang Syariah dan kewangan Islam. Melalui penyelidikan dan dialog intelektual yang aktif, ISRA berhasrat untuk menggalakkan inovasi dan kedinamikan ke arah memacu pembangunan kewangan Islam ke sempadan baharu. Kesedaran akademik tentang kewangan Islam turut dipertingkatkan menerusi penawaran program peringkat PhD dan Sarjana dalam kewangan Islam oleh Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (International Centre for Education in Islamic Finance, INCEIF), masing-masing pada Januari dan Jun 2008.

Bank juga memulakan inisiatif untuk mewujudkan pengekodan komprehensif bagi kontrak Syariah, yang dikenali sebagai Parameter Syariah, untuk meningkatkan penerapan peraturan dan prinsip Syariah, serta memberikan kejelasan dan menggalakkan penerapan kontrak Syariah yang lebih konsisten dalam lingkungan sistem kewangan Islam. Inisiatif ini, unik dalam kalangan pengawal selia di peringkat global, dijangka memberikan panduan kepada komuniti kewangan Islam mengenai hal yang berhubung dengan aspek muamalat (urus niaga komersial) dalam Syariah. Ia juga diharap dapat meningkatkan kefahaman mengenai penerapan praktikal prinsip Syariah bagi kewangan Islam, dan akan menyumbang ke arah pembangunan yang lebih inovatif dan teguh bagi produk dan perkhidmatan kewangan Islam. Parameter Syariah, apabila dikeluarkan, akan menjadi sumber rujukan bagi pengharmonian amalan di kalangan komuniti kewangan Islam.

Meskipun terdapat kemerosotan yang nyata dalam aktiviti pasaran global, Malaysia kekal sebagai penerbit sukuk terbesar di dunia, dengan menyumbangkan 61.4% daripada jumlah sukuk terkumpul dunia pada akhir tahun 2008. Pada akhir tahun 2008, pasaran sukuk terkumpul di Malaysia terdiri daripada 36% sekuriti hutang terkumpul di Malaysia, dengan sukuk terkumpul yang dikeluarkan oleh sektor swasta berjumlah 55.9% daripada jumlah sekuriti hutang swasta terkumpul. Dalam usaha membangunkan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam bertaraf dunia, Bank terus menjalankan penjenamaan strategik dan aktiviti promosi meskipun secara lebih terpilih, untuk meningkatkan pembangunan Malaysia sebagai hab antarabangsa kewangan Islam. Usaha Malaysia dalam memajukan inisiatif MIFC mendapat pengiktirafan yang lebih tinggi apabila MIFC dianugerahi Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Terbaik dalam ``Anugerah Kecemerlangan Sidang Kemuncak Tahunan Kedua Sukuk London´´ (Second Annual London Sukuk Summit Awards of Excellence).

MENINGKATKAN PEMANTAUAN TERHADAP PENGENDALIAN PASARAN DAN MENGUKUHKAN KEUPAYAAN KEWANGAN PENGGUNA

Sebagai sebahagian daripada inisiatif berterusan Bank untuk meningkatkan amalan pengendalian pasaran peserta kewangan dan keupayaan kewangan pengguna, Bank meneruskan inisiatifnya menggalakkan amalan pasaran yang adil lagi saksama. Pada masa yang sama, saluran sedia ada telah dipertingkat untuk pengguna mendapatkan penyelesaian dan nasihat kewangan.

Pusat Hubungan Bersepadu Bank bukan sahaja menangani isu yang berkaitan dengan akses kepada pembiayaan, malah bertindak sebagai platform utama bagi pelanggan mendapatkan nasihat kewangan dan mengemukakan aduan-aduan mengenai institusi kewangan yang dikawal selia oleh Bank. BNMLINK juga diperluas ke cawangan Bank di Johor Bahru dan Pulau Pinang pada bulan September 2008. Pada tahun 2008, pusat tersebut menerima 144,988 pertanyaan pelanggan dengan 136,686 adalah berkaitan dengan pertanyaan dan nasihat kewangan, manakala 8,302 lagi merupakan aduan mengenai urusan perbankan dan insurans. Pusat ini berjaya menyelesaikan lebih 74% daripada aduan-aduan tersebut. Di samping pusat ini, Agensi Kaunseling

dan Pengurusan Kredit (AKPK) yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia pada tahun 2006 juga memberikan kaunseling kewangan dan nasihat pengurusan hutang kepada orang perseorangan. Sehingga kini, AKPK berjaya memberikan perkhidmatan kepada kira-kira 73,000 pelanggan, dengan lebih daripada 21,000 telah mendapat bantuan di bawah Program Pengurusan Hutangnya, manakala lebih daripada 52,000 lagi mendapat manfaat daripada khidmat kaunseling kredit. Dalam persekitaran ekonomi yang wujud pada masa kini, AKPK telah mengambil langkah proaktif dengan menghulurkan bantuan kepada peminjam yang menghadapi masalah kewangan dan kini berusaha untuk berinteraksi dengan pekerja yang diberhentikan serta mereka yang menghadapi pengurangan waktu kerja untuk mengurus kedudukan kewangan mereka. Selain itu, AKPK telah menyumbang ke arah penambahbaikan pendidikan kewangan menerusi pelbagai modul pengajaran, penerbitan buku, jerayawara (roadshow) dan iklan.

AKPK telah mengambil langkah proaktif dengan menghulurkan bantuan kepada peminjam yang menghadapi masalah kewangan dan kini berusaha untuk berinteraksi dengan pekerja yang diberhentikan serta mereka yang menghadapi pengurangan waktu kerja

Bagi melindungi kepentingan pengguna dan mengekalkan keyakinan orang ramai dalam industri perkhidmatan kewangan, alat pemantauan dan penguatkuasaan Bank dipertingkatkan pada tahun 2008 dengan memberikan fokus kepada tiga aspek utama, iaitu pemeriksaan pasaran tematik, lawatan secara sulit untuk menilai tingkah laku pemberian pinjaman institusi perbankan dan tahap mutu perkhidmatan perbankan runcit, serta pemantauan media bagi memastikan supaya iklan dan promosi produk yang disiarkan dalam media cetak dan elektronik adalah tepat. Hasil daripada aktiviti pemantauan yang lebih fokus dan intensif, institusi kewangan telah meningkatkan prosedur operasi mereka supaya keperluan pelanggan dapat dipenuhi dengan lebih baik selain menambah baik tahap pendedahan produk dan perkhidmatan mereka.

Inisiatif keupayaan kewangan pada tahun 2008 terus ditumpukan pada usaha membolehkan pengguna membuat keputusan yang bijak, terutamanya bagi perancangan keperluan kewangan masa depan mereka. Program jangkauan (outreach) yang menyasarkan kumpulan baharu seperti komuniti kurang upaya dan pasangan yang baharu mendirikan rumah tangga, dilibatkan dalam program pendidikan kewangan pada tahun 2008, termasuk penerbitan Buku Wang Saku dan bahan bacaan *insuranceinfo* dalam bentuk Braille bagi mereka yang cacat penglihatan. Minggu Kesedaran Kewangan 2008 yang dianjurkan pada bulan Oktober 2008 dengan kerjasama Biro Pengantaraan Kewangan, AKPK dan PIDM mendapat sambutan hangat, terutamanya daripada PKS dan pelajar sekolah serta universiti, apabila menerima lebih daripada 17,600 pengunjung sepanjang program tiga hari itu.

PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM DAN PEMBANTERASAN PEMBIAYAAN KEGANASAN

Walaupun risiko pengubahan wang haram dan aktiviti pembiayaan keganasan masih kecil, namun Bank meneruskan langkah berjaga-jaga terhadap aktiviti pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan yang berkembang dan berpotensi untuk menjejaskan keyakinan dalam sektor kewangan. Rangka kerja perundangan dan pengawalseliaan Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pembanterasan Pembiayaan Keganasan (Anti-Money Laundering and Counter Financing of Terrorism, AML/CFT) telah dikaji semula dan dipinda untuk merangkumi secara lebih menyeluruh semua kategori institusi kewangan dan perniagaan bukan kewangan dan profesion yang ditetapkan, seperti dinyatakan dalam Cadangan 40+9 Pasukan Petugas Tindakan Kewangan (Financial Action Task Force, FATF) (40 Cadangan Mengenai Pengubahan Wang Haram dan 9 Cadangan Khas Mengenai Pembiayaan Keganasan). Program pendidikan khusus dianjurkan bagi meningkatkan budaya kepatuhan AML/CFT oleh institusi berkenaan dan memberikan maklumat terkini tentang perkembangan AML/CFT. Ini

termasuk mengadakan bengkel pematuhan, persidangan, pemeriksaan di premis dan soal selidik penilaian kendiri untuk mengukur tahap pematuhan institusi terbabit dengan keperluan AML/CFT yang berkaitan.

Berikutan ciri transnasional aktiviti pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan, Bank menandatangani enam Memorandum Persefahaman (MoU) dengan agensi sejawat asing pada tahun 2008 mengenai pertukaran maklumat risikan kewangan. Ini menjadikan jumlah keseluruhan MoU yang dimeterai oleh Bank kepada 17. Dalam inisiatif penilaian bersama Kumpulan Asia/Pasifik Mengenai Pengubahan Wang Haram (Asia/Pacific Group on Money Laundering, APG) terhadap Malaysia pada tahun 2007, penilaian itu mengesahkan rangka kerja perundangan negara adalah mantap lagi komprehensif, di samping langkah pencegahan dan pengaturan kerjasama antara agensi dalam negeri dan antarabangsa yang berkesan bagi menyokong usaha bina upaya, pemantauan dan aktiviti penguatkuasaan terhadap pencegahan pengubahan wang haram. Hasil penilaian ini meletakkan Malaysia sebagai salah satu daripada beberapa buah negara di rantau ini yang setara dengan negara anggota yang lebih maju dalam mematuhi Cadangan 40+9 FATF.

PROSPEK

Tahun yang mendatang dijangka tahun yang lebih mencabar bagi sektor kewangan, memandangkan ketidakpastian dalam persekitaran kewangan global masih ketara. Sektor kewangan Malaysia berada pada kedudukan yang lebih kukuh berbanding dahulu. Pembaharuan dan usaha bina upaya akan terus dijalankan bagi membolehkan institusi kewangan di Malaysia menahan kejutan. Sektor kewangan pada masa ini bercirikan paras modal dan kedudukan keberuntungan yang lebih kukuh. Usaha berterusan untuk meneroka pasaran dan bidang perniagaan baharu untuk tujuan pengembangan dan pempelbagaian pendapatan dalam senario kewangan global yang lebih mencabar akan meletakkan sektor kewangan Malaysia pada kedudukan yang strategik dalam jangka panjang.

Penekanan pada bulan-bulan yang akan datang ditumpukan pada pengukuhan peranan sektor kewangan dalam memainkan fungsi pengantaraannya dan memastikan bahawa pembiayaan yang mencukupi akan disalurkan untuk menyokong aktiviti ekonomi yang berdaya maju. Usaha juga akan ditumpukan pada pengukuhan asas teras yang memberikan daya tahan kepada sistem kewangan bagi menahan kejutan dan episod kemelut kewangan. Ini akan dilengkapi dengan peraturan berhemat yang lebih kukuh untuk mengekang pengambilan risiko yang berlebihan dan meningkatkan fungsi pemantauan dan pengawasan untuk memastikan gangguan yang bakal timbul dapat ditangani dengan pantas dan lebih awal. Pengaturan kerjasama antara agensi pengawal selia di Malaysia akan terus diperkukuh, dengan menentukan tanggungjawab yang jelas bagi membolehkan tindakan pantas dan muktamad diambil, apabila perlu.

Bagi meletakkan Bank pada keadaan yang lebih bersedia untuk menghadapi cabaran yang akan datang, kajian secara holistik terhadap Akta Bank Negara Malaysia 1958 disempurnakan pada tahun 2008. Akta Bank Negara Malaysia yang dicadangkan akan memberikan kejelasan yang lebih nyata kepada peranan dan fungsi Bank. Antara lain, Akta yang dicadangkan tersebut merangkumi pengawalan dan penyeliaan institusi kewangan serta penggalakan sistem kewangan yang mantap lagi progresif. Sejajar dengan ini, Bank juga sedang mengkaji semua perundangan utama yang meliputi pentadbiran institusi dan pengantara kewangan di bawah kawal selianya. Kajian ini dijangka dimuktamadkan menjelang akhir tahun 2009.

Fasa pembangunan seterusnya bagi sektor kewangan akan diterajui oleh pelan liberalisasi Bank seiring dengan Fasa 3 FSMP yang menyarankan integrasi yang lebih mendalam dengan sistem kewangan antarabangsa. Tujuan strategik pelbagai langkah yang terkandung dalam pelan liberalisasi itu adalah untuk meningkatkan sumbangan sektor perkhidmatan kewangan kepada pertumbuhan ekonomi. Peranan sektor kewangan sebagai penggerak dan pendorong yang berkesan bagi pertumbuhan ekonomi akan diperkukuh, selain kemampuannya untuk merangsang dan mempercepat kemajuan sektor ekonomi yang lain, terutamanya sektor perkhidmatan. Kelebihan daya saing Malaysia dalam kewangan Islam akan diperkasa, dikembangkan dan dimajukan lagi apabila wujudnya peluang. Dalam meliberalisasikan industri kewangan, Bank akan mengambil pendekatan beransur-ansur dan berperingkat-peringkat bagi memastikan bahawa kestabilan keseluruhan sistem kewangan terpelihara sambil meraih manfaat buat ekonomi negara.

Rangka Kerja Pengawalseliaan bagi Institusi Kewangan Asing dan Bank Pelaburan di Malaysia

Perkembangan pasaran kewangan global pada tahun lalu telah membawa kepada penelitian yang mendalam terhadap keberkesanan rejim pengawalseliaan di seluruh dunia. Perkembangan yang berlaku kebelakangan ini menekankan betapa pentingnya rangka kerja pengawalseliaan yang berubah seiring dengan landskap kewangan yang pesat berkembang.

Rencana ini menggariskan ciri-ciri utama rejim pengawalseliaan yang diterapkan kepada institusi perbankan asing dan penanggung insurans asing, serta bank pelaburan yang beroperasi di Malaysia. Pengawasan terhadap bank asing dan penanggung insurans asing bertujuan untuk memperkuat kekukuhan dan ketahanan operasi domestik mereka, sementara rangka kerja pengawalseliaan bagi bank pelaburan bertujuan untuk memastikan operasi perniagaan yang berhemat. Perkara ini menyokong matlamat untuk mengekalkan kestabilan keseluruhan sektor kewangan.

Pendekatan Pengawalseliaan bagi Institusi Kewangan Asing di Malaysia

Pelbagai institusi kewangan asing beroperasi dalam sistem kewangan Malaysia. Banyak daripada institusi ini telah bertapak sejak dahulu lagi – menjadi perintis semasa pembentukan sistem kewangan Malaysia pada kurun ke-19. Pada masa ini, institusi kewangan asing mencakupi 26% daripada aset sektor perbankan dan insurans. Kehadiran institusi-institusi kewangan ini, masing-masing dengan kekuatan perniagaan dan kebitaraan yang berbeza, memberikan manfaat kepada komuniti kewangan Malaysia dengan kepakaran teknikal yang lebih baik, amalan dan teknologi terbaik di samping membolehkan pengguna mendapat manfaat daripada produk dan perkhidmatan bertaraf dunia.

Namun, krisis yang tercetus baru-baru ini telah membawa pemerhatian yang lebih mendalam bahawa institusi kewangan yang aktif di seluruh dunia mempunyai implikasi yang meluas terhadap kestabilan kewangan sesebuah ekonomi tempat mereka beroperasi. Memandangkan perniagaan mereka yang meluas dan proses operasi dan tadbir urus mereka yang kompleks, timbul kebimbangan akan kesan kejutan luar yang mampu mereka sebarkan kepada pasaran-pasaran tempat mereka beroperasi. Walaupun banyak institusi kewangan yang terkemuka di dunia beroperasi dalam sistem kewangan Malaysia, rangka kerja pengawalseliaan di Malaysia menyediakan perlindungan yang mencukupi untuk mengurangkan kesan penularan rentas sempadan.

Satu ciri penting rangka kerja pengawalseliaan Bank Negara Malaysia terhadap operasi institusi kewangan asing di Malaysia ialah keperluan bagi institusi tersebut untuk diperbadankan di Malaysia. Seiring dengan jaring keselamatan kewangan komprehensif yang sedia ada, operasi institusi perbankan asing dan penanggung insurans asing di Malaysia serta kepentingan pelanggan mereka dilindungi sebagaimana yang digambarkan di bawah:

Ciri-Ciri Utama Rangka Kerja Pengawalseliaan bagi Institusi Kewangan Asing di Malaysia

Pemerbadanan tempatan mewujudkan pemisahan sah antara entiti domestik dengan syarikat induk asingnya

Tahap perlindungan yang lebih tinggi bagi pengguna di Malaysia

- Aset dan modal entiti domestik 'dipagar' ('ring-fenced') untuk memastikan obligasi di Malaysia, terutama kepada pendeposit bank dan pemegang polisi insurans, ditunaikan terlebih dahulu.
- Penghantaran balik dividen, pembayaran fi pengurusan serta pemberian pinjaman dan wang pendahuluan kepada syarikat induk asing adalah tertakluk kepada pematuhan keperluan berhemat.

Komitmen modal kekal untuk menyokong operasi di Malaysia
- Pengenaan keperluan modal minimum terhadap entiti domestik menjamin ketersediaan dana modal khusus di Malaysia untuk memelihara kemampanan dan kesinambungan operasi mereka di Malaysia.

Pembentukan lembaga pengarah yang berasingan di Malaysia dengan kewajipan fidusiari yang khusus bagi operasi di Malaysia
- Lembaga ini bertanggungjawab terhadap pengawasan entiti domestik, termasuk menilai kesesuaian strategi global dalam konteks pasaran domestik dan bertanggungjawab terhadap penerapan strategi berkenaan.
- Penyertaan warga Malaysia dalam lembaga ini diharap dapat menyerapkan pengetahuan tempatan dan memastikan strategi perniagaan sejajar dengan persekitaran tempatan.

Perlindungan di bawah jaring keselamatan kewangan

Pengawalseliaan oleh Bank Negara Malaysia
- Tahap pengawasan yang sama dilaksanakan oleh Bank Negara Malaysia, sepertimana terhadap institusi kewangan domestik.
- Kuasa yang mencukupi untuk mengambil langkah segera dan langkah awalan bagi menangani apa-apa risiko dan kelemahan institusi kewangan.

Kepentingan pendeposit bank dan pemegang polisi insurans dilindungi
- Deposit dalam bank asing yang diperbadankan di Malaysia dilindungi di bawah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia sebagaimana institusi perbankan domestik.
- Mekanisme tersedia untuk melindungi pemegang polisi insurans melalui dana skim jaminan insurans.

Layak menerima bantuan mudah tunai daripada Bank Negara Malaysia
- Bank asing yang diperbadankan di Malaysia boleh menggunakan bantuan ini tertakluk kepada kriteria yang sama seperti bank domestik.

Pendekatan Pengawalseliaan bagi Bank Pelaburan di Malaysia

Bank pelaburan di Malaysia beroperasi dalam rejim pengawalseliaan dengan ciri-ciri ketat yang sama diterapkan dalam pengawalseliaan berhemat sebagaimana bank perdagangan. Ciri-ciri rangka kerja pengawalseliaan Malaysia bagi bank pelaburan termasuklah:

Ciri-Ciri Utama Rangka Kerja Pengawalseliaan bagi Bank Pelaburan di Malaysia

Pengawalseliaan secara bersama oleh Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti

Kebertanggungjawaban yang jelas mengurangkan jurang dan pertindihan pengawalseliaan
- Pengaturan formal di bawah Memorandum Persefahaman antara kedua-dua agensi ini memastikan tanggungjawab adalah jelas dan tertakrif dengan rapi.
- Bank Negara Malaysia bertanggungjawab terhadap pengawalseliaan berhemat bank pelaburan bagi memastikan keselamatan dan kekukuhan mereka serta kestabilan keseluruhan sistem kewangan.

- Suruhanjaya Sekuriti bertanggungjawab terhadap tatalaku perniagaan dan pasaran bank pelaburan bagi meningkatkan integriti pasaran dan perlindungan pelabur dalam pasaran modal.
- Pengaturan bersepadu memudahkan tindakan segera dan muktamad diambil oleh kedua-dua agensi.

Rejim pengawalseliaan yang serupa dengan rejim bagi bank perdagangan

Pengawalseliaan berhemat bagi bank pelaburan
- Bank pelaburan tertakluk kepada keperluan berhemat yang turut dikenakan terhadap bank perdagangan, termasuk Basel II, had dedahan kepada sesebuah kumpulan pelanggan, sekatan terhadap pemberian pinjaman kepada pihak yang terhubung kait dan piawaian tadbir urus korporat.

Rangka kerja penyeliaan dan pengawasan
- Penilaian risiko yang komprehensif dan holistik dijalankan terhadap perniagaan dan kedudukan keseluruhan bank pelaburan, termasuk membuat pemeriksaan di premis.
- Membolehkan pengesanan awal dan langkah awalan diambil untuk menangani risiko dan kelemahan yang bakal timbul dalam setiap bank pelaburan.
- Kumpulan perbankan yang mempunyai bank perdagangan dan bank pelaburan diselia secara bersama untuk membolehkan penilaian yang komprehensif terhadap keselamatan dan kekukuhan mereka. Organisasi dalaman Bank Negara Malaysia juga menyokong pengawasan sedemikian, dengan wujudnya sebuah jabatan khusus bagi menyelia konglomerat kewangan.

Akses kepada sumber dana dan mudah tunai yang lebih luas

Boleh menerima deposit
- Bank pelaburan di Malaysia boleh menerima deposit berjumlah RM500,000 atau lebih, dan merupakan peserta dalam pasaran antara bank.
- Ini memberi mereka sumber dana yang lebih stabil dan pelbagai.

Layak menerima bantuan mudah tunai Bank Negara Malaysia
- Bank pelaburan boleh menggunakan bantuan ini, lantas menyediakan jaring keselamatan bagi keperluan mudah tunai sementara mereka.

Rangka kerja pengawalseliaan bagi institusi kewangan di Malaysia akan diperkukuh secara berterusan untuk memastikan kestabilan kewangan terpelihara sepanjang masa.